

**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**2017**  
2 ¼ jam



**SMK SUNGAI MANIK**  
**36000 TELUK INTAN, PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
  2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan **Bahagian B.***
  3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....  
(ROOSEZAH BT SABRI)

.....

.....

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan menyertai acara sukan**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



**Bahagian B**

[ 100 markah ]

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Setiap pelajar pasti mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi demi masa depan yang gemilang.

Berikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan sebelum melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

2. Semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat hari ini dikatakan kian luntur.

Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh ahli keluarga untuk memupuk semangat kejiiran.

3. Bangunan lama atau bangunan bersejarah di negara kita amat perlu dikekalkan demi generasi yang akan datang. Anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk 'Kepentingan Bangunan Bersejarah Kepada Negara' untuk disiarkan dalam majalah sekolah anda.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Pergolakan yang berlaku di beberapa buah negara di dunia telah menggugat keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Huraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan di beberapa buah negara di dunia.

5. Penggiat sastera atau sasterawan merupakan golongan yang banyak berjasa kepada pembangunan negara.

Bincangkan langkah-langkah untuk mengiktiraf golongan penggiat sastera di negara kita.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 1****Markah penuh : 100****1.0 Tujuan Pengujian :** Untuk menguji kebolehan calon dalam :

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar, dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**SULIT****Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)****KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>CEMERLANG</b>	<b>26 – 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li><li>• Isi relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li></ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>20 – 25</b> (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi</li><li>• Isi relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li></ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan</li><li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li><li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi</li><li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li></ul>
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	10 – 14 (12 – 14) (10 - 11)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>masih/kurang</b> menepati tugas bahan rangsangan</li><li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>. Ejaan</li></ul>

		<p>masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>.</p> <p>Penggunaan kosa kata terhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<b>01 – 09</b> (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea tidak menepati <b>tema</b> bahan rangsangan</li> </ul>

## Bahagian B : Karangan Respons Terbuka (100 markah)

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengolahan</b> sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>KEPUJIAN</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas,dihuraikan dengan jelas,disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi.</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>

<p style="text-align: center;"><b>BAIK</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>51 – 65</b> (58 – 65) (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas, dan contoh masih sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat yang gramatis</b> tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerenggan masih sesuai</li> <li>• <b>Wacana masih</b> lengkap</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>MEMUASKAN</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b> (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih</b> relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik. pemerenggan kurang sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih/kurang lengkap.</li> </ul>
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<p><b>21 – 35</b> (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang. dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kata kurang</b> tepat.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami</b></li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<p><b>01 - 20</b> (11 - 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat tidak gramatis</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>


2.3 **Markah bersih / muktamad** itu hendaklah ditulis **di penjuru atas sebelah kanan** pada halaman pertama karangan. Markah itu hendaklah dikepong dengan bulatan apabila markah itu dicatatkan atas kertas jawapan.

*roosezah@yahoo.com*

Bahagian A	- 23 markah
Bahagian B	- 65 markah
Jumlah	<b>88</b> markah

Pemeriksa dikehendaki memberi **komen** sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

**3.0 Cara menanda kesalahan isi, bahasa, ejaan dan tanda baca**

- (     ) = Kesalahan isi / fakta
- \_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar ( nama khas)
- // = Kesalahan ejaan yang berulang
-  = Kesalahan tanda bacaan

**SKEMA JAWAPAN KERTAS 1**

**BAHAGIAN A**

Berdasarkan gambar rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan menyertai acara sukan**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**Tugasan** : Calon dapat menghuraikan kepentingan menyertai acara sukan.

**Cadangan Idea :**

- memupuk disiplin
- meningkatkan keyakinan diri
- mengukuhkan perpaduan

## **BAHAGIAN B**

1. Setiap pelajar pasti mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi demi masa depan yang gemilang.  
Berikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan sebelum melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

Tugasan Soalan: Murid dapat memberikan pendapat tentang persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

Format : Tiada

Cadangan Idea:- Mendapatkan maklumat / informasi tentang kursus yang akan diikuti

- Membuat tabungan - simpanan melalui PTPTN
- Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa asing
- Menyediakan keperluan asas untuk pembelajaran di IPT
- Memastikan mental dan fizikal yang sihat bagi memastikan dapat bersaing dalam pelajaran

2. Semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat hari ini dikatakan kian luntur.  
Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh ahli keluarga untuk memupuk semangat kejiiran.

Tugasan Soalan: Murid dapat membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh ahli keluarga untuk memupuk semangat kejiiran.

Format : Tiada

Cadangan Idea:- Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak - mengamalkan cara hidup berjiran yang baik

- Mengadakan rumah terbuka sempena perayaan - berkunjung bersama-sama ahli keluarga
- Melibatkan diri dalam aktiviti kejiiran - gotong-royong di kawasan perumahan
- Melibatkan ahli keluarga dalam aktiviti sosial - ambil bahagian dalam program anjuran kejiiran

3. Bangunan lama atau bangunan bersejarah di negara kita amat perlu dikekalkan demi generasi yang akan datang. Anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk

'Kepentingan Bangunan Bersejarah Kepada Negara' untuk disiarkan dalam majalah sekolah anda.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

Tugasan Soalan: Murid dapat menulis sebuah rencana bertajuk 'Kepentingan Bangunan Bersejarah Kepada Negara'.

Format : Rencana

Cadangan Idea: - Bukti peristiwa sejarah yang pernah berlaku - mengingati peristiwa penting  
- Menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negeri  
- Memberikan iktibar dan pengajaran - mengambil teladan daripada peristiwa sejarah - tidak ulang kesilapan lalu  
- Mewujudkan nilai patriotisme - menghargai sumbangan pemimpin terdahulu

4. Pergolakan yang berlaku di beberapa buah negara di dunia telah menggugat keamanan dan kesejahteraan masyarakat.  
Huraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan di beberapa buah negara di dunia.

Tugasan Soalan: Murid dapat menghuraikan kerjasama yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara untuk menjamin keamanan di beberapa buah negara di dunia.

Format: Tiada

Cadangan Idea: - Menghormati kedaulatan negara-negara lain - tidak campur tangan dalam hal-hal pentadbiran  
- Mewujudkan zon aman dan selamat di setiap pelosok dunia - zon yang aman, selamat, dan berkecuali akan dijamin jika negara kita menjalin hubungan yang baik antara negara  
- Mengembalikan peranan PBB - kuasa veto negara tertentu dalam PBB dihapuskan  
- Memastikan tidak wujud sebarang senjata pemusnah yang menggalakkan peperangan

5. Penggiat sastera atau sasterawan merupakan golongan yang banyak berjasa kepada pembangunan negara.  
Bincangkan langkah-langkah untuk mengiktiraf golongan penggiat sastera di negara kita.

Tugasan Soalan: Murid dapat membincangkan langkah-langkah untuk mengiktiraf golongan penggiat sastera di negara kita.

Format : Tiada

- Cadangan Idea:- Sambutan Hari Sasterawan dijadikan acara tahunan
- Mencetak, menjual dan mempromosi karya yang bermutu untuk diedarkan kepada orang ramai - beri peluang orang ramai membaca dan menghayati karya mereka
  - Memperbanyak anugerah - pertandingan atau sayembarabagi melahirkan karya yang bermutu
  - Menyediakan ruang untuk karyawan mempamerkan hasil karya mereka - pusat seni, galeri dsb
  - Menjemput penggiat sastera sebagai mentor kepada karyawan muda yang ingin berjinak-jinak dengan sastera

**-PANDUAN JAWAPAN TAMAT-**

SULIT

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
2017  
2½ jam



SMK SUNGAI MANIK  
36000 TELUK INTAN, PERAK

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....  
(ROOSEZAH BT SABRI)

.....

.....

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan menabung bagi golongan remaja** dan **cara-cara untuk menarik minat golongan remaja menabung**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman ini mempunyai masa yang amat terhad dengan keluarga terutamanya dengan anak-anak. Oleh sebab itu, tidak hairanlah rata-rata ibu bapa pada hari ini memanjakan anak-anak remaja mereka dengan wang ringgit. Mereka menganggap bahawa cara itu sebagai tanda kasih sayang mereka terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, tindakan ini lama-kelamaan akan menyebabkan golongan remaja ini lupa diri. Walaupun ibu bapanya mempunyai harta yang banyak dan dapat digunakan pada bila-bila masa tanpa had, perkara itu bukan alasan bagi remaja untuk bersikap boros dan tidak mengendahkan amalan menabung yang dapat dijadikan sebagai simpanan masa depan.

Amalan menabung ini juga dapat mendidik golongan remaja agar berjimat cermat tatkala tangan mereka memegang wang dengan banyak. Selain itu, amalan ini juga dapat mendidik golongan remaja untuk merancang perbelanjaan dengan bijak. Sikap beringat-ingat semasa senang mampu mengelakkan golongan remaja daripada menghadapi masalah kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana duit simpanan amat penting terutamanya untuk digunakan pada masa-masa kecemasan, misalnya untuk menggantikan barang-barang keperluan yang rosak atau hilang terutamanya bagi remaja yang menuntut di kolej atau tinggal di asrama yang jauh daripada keluarga.

Remaja yang gemar menabung dapat meringankan beban ibu bapa kerana duit simpanan mereka dapat digunakan untuk melanjutkan pelajaran. Dengan cara ini, remaja dapat berdikari dan tidak terlalu bergantung pada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kos belajar di institusi pengajian tinggi agak mahal. Walaupun kerajaan menyediakan bantuan pinjaman atau biasiswa, remaja tetap perlu menyediakan sejumlah wang yang mencecah beberapa ribu ringgit semasa pendaftaran dan sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya seseorang itu mempunyai wang tabungan, mereka dapat mengurangkan beban hutang pendidikan yang terpaksa ditanggung selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

Amalan menabung dalam kalangan remaja dapat membentuk golongan remaja yang berdisiplin dan bermaruah. Mereka dapat menilai keperluan hidup dengan bijak supaya tidak melepasi batas keperluan sehingga berlaku pembaziran. Remaja yang terdidik dengan sikap berjimat cermat dan suka menabung pula akan memperoleh pulangan yang lumayan sekiranya mereka memilih untuk menabung dengan institusi perbankan konvensional yang mengamalkan kadar faedah tetap ataupun sistem perbankan Islam berdasarkan kaedah perkongsian untung dan beberapa syarat lain mengikut syariat Islam. Mereka juga boleh melabur wang dalam saham amanah yang banyak terdapat di negara kita. Pengurusan kredit secara berhemah ini membantu golongan remaja mencapai ketenangan minda.

(Dipetik dan diubahsuai daripada 'Budaya Menabung Masih Rendah', oleh Mohd. Khairul Mohd. Ali, *Utusan Malaysia*, 22 April 2015)

**Soalan 2: Pemahaman**

[ 35 markah ]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *lupa diri*.  
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa kaedah menabung yang menguntungkan remaja. Nyatakan **dua** kaedah tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, selain memberikan alasan bergaji kecil, apakah alasan-alasan lain yang biasanya dinyatakan oleh seseorang yang tidak mahu menabung?  
[4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

NEK SINAH: Nak Aiman, mari makan. Nek dah siapkan makanan kegemaran Aiman, ayam masak asam pedas.

AIMAN: Hei, jangan panggil saya nak Aiman! Saya bukan anak Nek Sinah. Nek Sinah tu cuma orang gaji di rumah ini, faham? Saya belum lapar. Belum nak makan lagi. Saya nak tunggu Kak Dapnia balik, saya nak makan dengan dia.

NEK SINAH: Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugasan di universiti. Malam baru dia pulang. Datin juga sibuk, malam baru dia pulang.

AIMAN: Kak Dapnia tak balik, *mummy* pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.

NEK SINAH: Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.

AIMAN: Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.



(NEK SINAH meninggalkan AIMAN dengan rasa kesal. Kesal dengan sikap AIMAN yang tidak menghormatinya dan ahli keluarga tersebut hanya mementingkan wang ringgit).

AIMAN: Bosan betul aku dengan Nek Sinah. Semua perkara nak diberitahu kepada aku. Suruh aku buat macam ini, macam itu. Hish, rimas aku dengan orang tua tu! Daripada aku fikir pasal Nek Sinah, baik aku tidur.

(Dipetikdaripada drama ‘Berkhidmat untuk Negara’  
oleh Affix Zulkarnaen Adam  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berdasarkan petikan drama, mengapakah Aiman tidak mahu Nek Sinah memanggilnya dengan panggilan ‘nak Aiman’?  
[2 markah]

(ii) Kebanyakan rakyat yang berkemampuan menggaji pembantu rumah untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga mereka.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan memiliki orang gaji atau pembantu rumah di rumah?

[3 markah]

(iii) Jelaskan **satuperwatakan** Nek Sinah yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satuperwatakan** Nek Sinah yang lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun BijayaMaha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, *senantiasa beringgit* juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalu dukacita baginda melihat kelakuan PadukaRaja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar.”

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun suruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”

Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?”

Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “Daulat tuanku.”

(Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *senantiasa beringgit*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan tersebut, apakah reaksi Seri Nara Diraja apabila Sultan Muzaffar Syah memberikan cadangan kepada Seri Nara Diraja supaya berkahwin?

[3 markah]

- (iii) Pemimpin memainkan peranan penting dalam usaha menjamin keharmonian sesebuah negara.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan buruk kepada negara sekiranya pemimpin tidak bermuafakat?

[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**AKU MEMBACA LAGI**

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawahnya gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

**Razali Mohd. Yusof**

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan **dua** perkara duka ketika penyajak mendongak dan membaca langit dalam rangkap keempat dan kelima sajak di atas.

[2 markah]

- (ii) Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara kita dan harus dimartabatkan kedudukannya.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh seseorang murid untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **satu ayat** bagi setiap pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tunjuk - telunjuk  
(ii) guruh - gemuruh  
(iii) sabut - serabut

[6 markah]

- (b) Kenal pasti jenis-jenis ayat perintah di bawah dan nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan atau ayat larangan**.

- (i) Tolong padamkan lampu sebelum meninggalkan bilik ini.  
(ii) Jangan minum air yang terdedah itu.  
(iii) Sila serahkan borang permohonan yang telah lengkap ke pejabat.  
(iv) Fikirkanlah sebelum kamu bertindak.  
(v) Jemputlah datang ke rumah saya pada hujung minggu ini.  
(vi) Hantarlah buku itu sebelum pulang.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satukesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Doktor Azira teringat pesakitnya supaya menghabiskan antibiotik itu dalam masa seminggu.
- (ii) Kami akan pembantu nenek menyiapkan tempahan tempeyek terutamanya pada musim-musim perayaan secara sukarela.
- (iii) Encik Azman meminta pekerjaannya memfotostet perjanjian jual beli itu sebanyak lima persalinan untuk diberikan kepada pelanggannya.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sikap boros perlu dielakkan kerana mendorong kita menghilangkan wang demi untuk membeli barang yang tidak mustahak.
- (ii) Semua murid-murid tidak sabar untuk menyaksikan tayangan teater muzikal yang akan diadakan bersempena dengan Minggu Kesenian nanti.
- (iii) Gadis itu menjerit dengan sekuat-kuat hati bila beg tangannya dirampas oleh dua orang lelaki bermotosikal.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Sepanjang lima tahun beliau menguruskan syarikat itu, pelbagai rintangan telah berjaya dihadapi bersama-sama dengan kakitangannya.
- (ii) Kita hendaklah berasa insaf dan berusaha untuk membetulkan sesuatu kesalahan apabila kita menyedari kesalahan yang telah dilakukan.
- (iii) Majlis sambutan rumah terbuka itu telah selesai, namun masih kedengaran rungutan daripada sesetengah pihak kerana atur caranya tidak lancar.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruha
- (ii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- (a) Persoalan ketabahan merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji.

Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7  
*markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **satu** sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari.

[8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SKEMA JAWAPAN BM KERTAS 2 (1103/2)**

**Soalan 1: Rumusan (30 markah)**

<b>Pendahuluan</b>	
Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat menabung bagi golongan remaja di negara kita.	2m
Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat menabung bagi golongan remaja dan kaedah-kaedah menabung yang menguntungkan remaja.	2m
Rumusan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat menabung bagi golongan remaja dan cara-cara untuk menarik minat golongan remaja menabung.	2m
Rumusan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat menabung bagi golongan remaja.	1m
Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat menabung bagi golongan remaja.	1m
<b>Isi Tersurat (Kepentingan-kepentingan Menabung)</b>	
S1 Dapat dijadikan sebagai simpanan masa depan.	2m
S2 Dapat mendidik golongan remaja berjimat cermat.	2m
S3 Dapat mendidik golongan remaja merancang perbelanjaan dengan bijak.	2m
S4 Mengelakkan golongan remaja daripada menghadapi masalah kewangan.	2m
S5 Untuk digunakan pada masa-masa kecemasan.	2m
S6 Dapat digunakan untuk melanjutkan pelajaran.	2m
S7 Dapat mengurangkan beban hutang pendidikan.	2m
S8 Membentuk golongan remaja yang berdisiplin dan bermaruah.	2m
S9 Memperoleh pulangan yang lumayan.	2m
S10 Membantu golongan remaja mencapai ketenangan minda.	2m
<b>Isi Tersirat (Cara-cara untuk menarik minat remaja menabung)</b>	
T1 Melaksanakan pelbagai kempen menabung kepada lepasan sekolah.	2m
T2 Memberikan nasihat yang mendidik remaja agar menabung.	2m
T3 Melatih kebiasaan untuk menabung sejak kecil.	2m
T4 Mewujudkan saham amanah khas untuk remaja.	2m
T5 Membincangkan matlamat menabung terhadap golongan remaja.	2m
T6 Mendedahkan golongan remaja tentang urusan perbankan	2m
T7 Memperkenalkan faedah unit amanah.	2m
T8 Menggalakkan golongan remaja mempunyai buku wang saku.	2m
T9 Mewujudkan kerjasama pihak bank dengan sekolah.	2m
T10 Peranan ibu bapa sebagai penggalak.	2m
<b>Kesimpulan</b>	
Kesimpulannya, golongan remaja perlu menjadikan aktiviti menabung sebagai amalan agar mereka tidak berhadapan dengan masalah kewangan.	2m
Kesimpulannya, golongan remaja perlu menabung agar masa depan mereka terjamin.	2m

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

*Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)*

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	<b>2</b>
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	<b>1</b>
- Jawapan tidak tepat/ salah	<b>0</b>

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>3</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>2</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>4</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>3</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	<b>2</b>
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

**Soalan 2(a)-Pemahaman Umum**

- i. Maksud rangkai kata *lupa diri*:
  - tidak ingat akan nasib diri. 2m
  - leka dengan kesenangan. 2m
  
- ii. Pengarang menyatakan beberapa kaedah menabung yang menguntungkan remaja. Kaedah-kaedahnya:
  - institusi perbankan konvensional 1m
  - institusi perbankan yang mengamalkan kadar faedah tetap 1m



- sistem perbankan Islam berdasarkan kaedah perkongsian untung 1m
- institusi perbankan yang mematuhi syariat Islam 1m
- melaburkan wang yang ada dalam saham amanah 1m

[Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 Isi]

- iii. Alasan-alasan yang biasa dinyatakan oleh seseorang yang tidak mahu menabung:
- wang gaji akan digunakan untuk melunaskan pelbagai hutang
  - duit yang ada hanya cukup-cukup untuk menampung perbelanjaan harian
  - untuk menampung keperluan keluarga
  - baki untuk simpanan sudah tiada atau habis
  - mahu berseronok atau memanjakan diri setelah penat bekerja

[Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum: 4 markah] [Isi cukup: 3 Isi]

### Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

- i. Aiman tidak mahu Nek Sinah memanggilnya dengan panggilan ‘nak Aiman’ kerana:

- dia bukan anak Nek Sinah 1m
- Nek Sinah hanya pembantu rumahnya 1m
- dia sudah dewasa 1m

[Maksimum: 2 markah]

- ii. Kelebihan-kelebihan memiliki orang gaji atau pembantu rumah di rumah:

- menjaga keperluan anak-anak 1m
- menjaga kediaman / rumah 1m
- mengurus kerja-kerja rumah 1m
- membantu majikan yang bekerja di luar 1m
- majikan dapat fokus terhadap kerjaya 1m

[Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 Isi]

- iii. Perwatakan Nek Sinah:

Satu perwatakan dalam drama

- seorang yang penyayang - Nek Sinah melayan Aiman seperti cucunya sendiri dan memasak makanan kegemaran Aiman 1 + 1m
- seorang yang berbudi bahasa - Nek Sinah menasihati Aiman agar tidak membuat sangkaan buruk terhadap ibu dan kakaknya yang tidak pulang ke rumah 1 + 1m

Satu perwatakan dalam keseluruhan drama

- seorang yang bertanggungjawab - Nek Sinah bertanggungjawab untuk memastikan semua keperluan Aiman dijaga dengan baik 1 + 1m
- seorang yang penyabar - Nek Sinah tetap bersabar dengan menyedari kedudukannya sebagai orang gaji di rumah Aiman 1+1m

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

- i. Maksud rangkai kata *senantiasa beringgit*:

- selalu / acap kali / sering bertelagah / bermusuhan / berbalah 2m
  - selalu / acap kali / sering beringgit 1m
  - senantiasa bertelagah / bermusuhan / berbalah 1m
- [Maksimum: 2 markah]**
- ii. Reaksi Seri Nara Diraja apabila Sultan Muzaffar Syah memberikan cadangan kepada Seri Nara Diraja supaya berkahwin:
- bersetuju dengan cadangan Sultan Muzaffar Syah 1m
  - menolak untuk dikahwinkan dengan Tun Bulan, Tun Rakna Sari, dan Tun Kanaka 1m
  - bersetuju untuk dikahwinkan dengan Tun Kudu 1m
- [Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 Isi]**
- iii. Kesan-kesan buruk kepada negara sekiranya pemimpin tidak bermuafakat:
- negara tidak aman 1m
  - terdedah kepada ancaman luar 1m
  - berlaku banyak penyelewengan 1m
  - pemimpin yang baik / jujur mungkin kecundang 1m
  - tiada masa untuk urusan pentadbiran 1m
  - sepanjang masa dihabiskan untuk membina pengaruh 1m
- [Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 Isi]**

### Soalan 2(d) : Sajak

- i. Dua perkara duka ketika penyajak mendongak dan membaca langit dalam rangkap keempat dan kelima sajak:
- para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan 1m
  - penyajak meluahkan kekesalannya apabila bahasa Melayu yang semakin diketepikan terus dipinggirkan oleh semua pihak 1m
- ii. Usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh seseorang murid untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan:
- menggunakan bahasa Melayu baku dalam pertuturan pada setiap masa 1m
  - sentiasa peka terhadap kesalahan ejaan atau tatabahasa 1m
  - mengurangkan penggunaan bahasa rojak dalam percakapan 1m
  - sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Melayu 1m
  - menyertai pertandingan dalam bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa 1m
- [Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 Isi]**
- iii. Dua pengajaran:
- kita mestilah menghargai setiap ciptaan Tuhan yang ada di atas muka bumi ini dengan cara bersyukur atas nikmat-Nya 1 +1m
  - kita mestilah menjaga setiap anugerah Tuhan kerana semua itu untuk melengkapkan kehidupan 1+1m
  - kita perlu menjaga kedaulatan bahasa Melayu walaupun negara telah makmur 1+1m

- kita hendaklah menghargai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan cara memastikan bahasa Melayu tidak tercemar 1+1m
- kita haruslah berusaha memartabatkan bahasa Melayu agar tidak luput ditelan zaman 1+1m

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak ½ markah bagi setiapayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satuayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah

#### (a) Morfologi

(i) tunjuk

- menunjuk, menunjukkan

(ii) telunjuk

- jari antara jari hantu dengan ibu jari
- perintah, kemahuan, suruhan

(iii) guruh

- bunyi bising di langit (yang biasanya didahului oleh kilat)

(iv) gemuruh

- berbunyi seperti guruh
- berdebar-debar hati (kerana ketakutan, bimbang dsb), agak gementar

(v) sabut

- kulit yang berserat (kulit nyiur, pinang dll)

(vi) serabut

- serat seperti yang terdapat pada sabut
- berambu-rambu, berbulu-bulu (tali, benang dll)

- terharu (fikiran), risau, rusing

[6 markah]

**(b) Menyatakan Jenis Ayat Perintah**

- (i) Ayat Permintaan
- (ii) Ayat Larangan
- (iii) Ayat Silaan
- (iv) Ayat Suruhan
- (v) Ayat Silaan
- (vi) Ayat Suruhan

[6 markah]

**(c) Kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan**

Kesalahan Ejaan		Kesalahan Imbuhan	
i.	antiboitik - antibiotik	i.	teringatkan - mengingatkan
ii.	tempeyek - rempeyek	ii.	pembantu - membantu
iii.	memfotostet - memfotostat	iii.	persalianan - salinan

[6 markah]

**(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa**

Kesalahan Penggunaan Kata		Kesalahan Tatabahasa	
i.	menghilangkan - menghabiskan	i.	demi untuk - demi / untuk
ii.	tayangan - pementasan	ii.	Semua murid-murid - Semua murid
iii.	dirampas - diragut	iii.	bila - apabila

[6 markah]

**(e) Peribahasa**

- (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing [2 markah]
- (ii) Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan [2 markah]
- (iii) Rumah siap pahat berbunyi [2markah]

## Soalan 4

Markah penuh 15 markah

## Panduan pemarkahan bagi Soalan 4 (a)

1. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 1 markah bagi **setiap peristiwa yang lengkap / jelas**.
4. Beri 1 markah bagi **pernyataan tentang persoalan ketabahan yang berkaitan dengan peristiwa**.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
9. Calon tidak menjawab, beri 0 markah.

4a) Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>- Peristiwa Lili tabah menghadapi kerenah ibunya yang mahu Lili menghabiskan cuti persekolahannya di kampung datuk dan neneknya.</p> <p>- Peristiwa Lili tabah menghadapi kerenah datuk yang tidak mahu menceritakan sejarah jendela menghadap jalan.</p> <p>Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan menghadapi kerenah orang tua.</p>	<p>- Peristiwa Dahlia tabah menghadapi kerenah ibunya yang tidak mengenalinya setelah menghidap tekanan perasaan.</p> <p>- Peristiwa Dahlia tabah menghadapi kerenah Aton yang menghina Dahlia semasa Azhari menghantarnya pulang ke rumah.</p> <p>Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan menghadapi kerenah ibu dan orang sekeliling</p>
<p>- Peristiwa Lili tabah berhadapan dengan Rafik dan Haziq yang menculiknya.</p> <p>Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan menghadapi cabaran ketika diculik.</p>	<p>- Peristiwa Dahlia tabah mengulang kaji pelajaran di balai raya semasa kampung mereka dilanda banjir.</p> <p>Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan persoalan ketabahan dalam menuntut ilmu.</p>

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4 (b)**

1. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri **1 markah** bagi **setiap pernyataan umum sikap masyarakat yang patut dihindari** yang lengkap daripada sebuah novel yang telah dikaji oleh pelajar.
4. Beri **2 markah** untuk setiap huraian / contoh peristiwa yang lengkap / jelas.
5. Beri **1 markah** untuk huraian yang kurang lengkap.
6. Markah isi maksimum **6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel).
7. Markah bahasa maksimum **2 markah**.
8. Markah bahasa diberi secara *impression*
  - Baik : 2 markah
  - Sederhana : 1 markah
9. Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri **1 markah** untuk bahasa.
10. Jika calon tidak menjawab, beri **0 markah**.

4b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **satu** sikap masyarakat yang sepatutnya dihindari.

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>1. <u>Sikap masyarakat yang terlibat dalam gejala sosial</u> Sebagai contohnya, Rafik dan Haziq suka mencuri harta benda orang kampung. Selain itu, mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah.</p>	<p>1. <u>Sikap masyarakat yang berprasangka buruk terhadap orang lain</u> Sebagai contohnya, Aton dan Nek Kiah berprasangka buruk terhadap keluarga Dahlia. Nek Kiah suka menghina Dahlia dan keluarganya disebabkan kemiskinan mereka. Aton suka menabur fitnah terhadap Dahlia dengan mengatakan bahawa Dahlia sudah ditebuk tupai kerana lelaki datang ke rumahnya silih berganti.</p>
<p>2. <u>Sikap masyarakat yang terlibat dalam masalah perjudian</u> Sebagai contohnya, Seman, suami Che Jah seorang kaki judi sehingga sanggup mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga.</p>	<p>2. <u>Sikap masyarakat yang terlibat dalam gejala sosial</u> Sebagai contohnya, Abu Bakar suka berfoya-foya dengan rakan-rakannya sehingga sanggup mencuri kambing milik bapanya sendiri.</p>
<p>3. <u>Sikap masyarakat yang bercanggah pendapat</u> Sebagai contohnya, penduduk kampung yang mengalami percanggahan pendapat mengenai perletakan kubah di surau ataupun membina masjid yang baru.</p>	<p>3. <u>Sikap masyarakat yang suka menghina orang lain</u> Sebagai contohnya, Mak Aton yang suka menghina Dahlia dan keluarganya disebabkan kemiskinan mereka. Mak Aton juga suka menabur fitnah terhadap Dahlia dengan mengatakan bahawa Dahlia sudah ditebuk tupai kerana lelaki</p>
<p>4. <u>Sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab</u> Sebagai contohnya, suami Cik Jah iaitu Pak Seman sering memukul Cik Jah. Dia juga sering berjudi sehingga melupakan tanggungjawabnya sebagai ketua</p>	

<p>keluarga.</p> <p>5. Sikap <u>masyarakat yang suka memandang serong terhadap kekurangan orang lain</u>          Sebagai contohnya, Rafiq dan Haziq sering menjadi hinaan dan kutukan masyarakat kampung secara berterusan kerana suka mencuri, menagih dadah dan pecah rumah. Bagi Lili, mereka ialah manusia biasa yang memerlukan bantuan untuk berubah.</p>	<p>datang ke rumahnya silih berganti.</p> <p>4. Sikap <u>masyarakat yang mempunyai hasad dengki</u>          Sebagai contohnya, Dahlia, Abu Bakar, Kiambang dan Melati menjumpai bungkusan telur yang sudah busuk. Telur itu berisi jarum peniti, cincin akik, butiran pasir dan dua batang paku yang dijumpai mereka dibawah rumah. Bungkusan itu ditanam oleh seseorang yang dengki akan mereka.</p> <p>5. Sikap <u>masyarakat yang memandang serong terhadap kemiskinan orang lain</u>          Sebagai contohnya, Nek Kiah tidak suka akan menantunya Embong dan cucu-cucunya kerana hidup dalam kemiskinan sedangkan anak-anaknya yang lain berjaya dalam kehidupan.</p> <p>6. Sikap <u>masyarakat yang tidak mahu menerima ketentuan takdir</u>          Sebagai contohnya, Aton telah menuduh Dahlia yang menyebabkan anaknya, Said mati lemas walaupun Dahlia sanggup berkorban nyawa dengan terjun ke sungai untuk menyelamatkan Said.</p>
--	---

**-PANDUAN JAWAPAN TAMAT-**